

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

HGT 521 – Analisis Lokasi dan Ruangan

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan. Jawab DUA soalan dari setiap **Bahagian A** dan **Bahagian B**.

Bahagian A

1. [a] Huraikan isu-isu berkaitan kepenggunaan kaedah statistik konvensional dalam analisis data ruangan.
[10 markah]
[b] Bincangkan sejauhmana isu-isu tersebut mempengaruhi analisis ruangan.
[15 markah]
2. Kelebihan utama sistem maklumat geografi berbanding sistem maklumat lain ialah keupayaannya dalam analisis ruangan. Dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai, bincangkan sejauhmana pernyataan ini benar.
[25 markah]
3. [a] Jelaskan maksud proses rawak bebas/kerawakan ruangan lengkap (independent random process/complete spatial randomness).
[5 markah]
[b] Merujuk kepada contoh yang sesuai, bincangkan sejauhmana proses ruangan mempengaruhi corak ruangan.
[20 markah]
4. Menurut Tobler (1970) "Everything is related to everything else, but near things are more related than distant things". Bincangkan sejauhmana kepentingan hukum ini dalam analisis ruangan.
[25 markah]

Bahagian B

5. Menggunakan satu contoh kajian yang sesuai, huraikan prosedur analisis ketersampaian serta bincangkan kepentingan analisis tersebut dalam kajian berkenaan.
[25 markah]
6. Menggunakan satu contoh aplikasi yang sesuai, bincangkan kepentingan analisis pembahagi lokasi (location quotient) dalam aplikasi berkenaan.
[25 markah]

7. Kajian aliran aktiviti-aktiviti dari satu lokasi ke lokasi lain adalah penting dalam bidang geografi. Menggunakan satu contoh aplikasi geografi, bincangkan sejauhmana analisis interaksi ruangan penting dalam aplikasi tersebut.

[25 markah]

8. Menggunakan contoh-contoh yang sesuai, bincangkan sejauhmana perbezaan dan persamaan analisis rangkaian dalam sistem data vektor dan sistem data raster.

[25 markah]